

1 MAC 2018

## 1,750 pelajar positif dadah tahun lalu

20 | setempat | 01-03-2018



IZHAR (dua dari kiri) menerima cenderahati pada majlis pelancaran Hari Antidadah Peringkat Negeri Melaka 2018.

**Melaka**

### 1,750 pelajar positif dadah tahun lalu

Seramai 1,750 pelajar didapati positif dadah pada tahun lalu hasil ujian saringan air kencing yang dijalankan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ke atas 36,876 pelajar di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK, Datuk Izhar Abu Talib berkata, angka itu menunjukkan jumlah pelajar positif dadah meningkat kepada lima peratus pada tahun lalu, berbanding 2016 hanya 3.8 peratus.

Mengikut negeri, beliau berkata, Sarawak adalah tertinggi iaitu seramai 290 daripada 3,278 pelajar yang disaring pada tahun lalu, berbanding 154 daripada 2,463 pelajar pada tahun sebelumnya.

Katanya, Kelantan berada di tempat kedua dengan jumlah 279 daripada 2,787 pelajar pada tahun lalu, berbanding 123 daripada 2,286 pelajar pada tahun sebelumnya.

"Dadah jenis methamphetamine pula menjadi dadah pilihan utama kerana mudah disimpan dan digunakan pelajar, selain harganya antara RM10 hingga RM15," katanya.